

Ekspedisi jejak Hang Tuah mulai November

➔ Kajian lanjut menerusi laluan sejauh 500km

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
fhatihah@bh.com.my

► Ayer Keroh

Kerajaan Melaka melalui Institut Kajian Sejarah dan Patriotik Malaysia (IKSEP) akan mengadakan ekspedisi kembara menjejaki Hang Tuah menelusuri Laluan Penarikan sepanjang 500 kilometer (km), bermula November ini.

Pengerusi IKSEP, Prof Datuk Dr Mohd Jamil Mukmin, berkata ekspedisi membabitkan kerjasama Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (ATMA-UKM) itu akan digerakkan sejurus mendapat kelulusan kerajaan negeri.

Katanya, seramai 100 peserta membabitkan wakil IKSEP, Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) dan kerajaan negeri bakal mengikuti ekspedisi berkenaan.

Kajian lanjut

"Kajian bersama pihak ATMA membuktikan laluan penarikan dari Melaka ke Pahang digunakan untuk tujuan perdagangan, ketenteraan serta dakwah.

"Menerusi ekspedisi ini, kita akan menjalankan kajian lanjut dari segi arkeologi, mencari gali tinggalan artifak dan seramik serta manuskrip lama.

"Ia antara cara membuktikan



Kajian bersama pihak ATMA membuktikan laluan penarikan dari Melaka ke Pahang digunakan untuk tujuan perdagangan, ketenteraan serta dakwah"

Mohd Jamil Mukmin,
Pengerusi IKSEP

Laluan Penarikan sejauh 500km



laluan ini pernah dilalui Hang Tuah membawa Tun Teja dari Pahang ke Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membentangkan laporan Laluan Penarikan Bersejarah Dalam Tamadun Awal Melayu membabitkan kajian jejak laluan Hang Tuah membawa Tun Teja dari Pahang ke Melaka di Seri Negeri di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron dan Felo Penyelidikan Kanan ATMA,

Prof Madya Dr Asyaari Muhamad yang turut membentangkan laporan itu serta kira-kira 10 pakar sejarah lain.

Kerjasama tiga negeri

Mohd Jamil berkata, ekspedisi bakal menarik kerjasama tiga negeri merangkumi Johor, Negeri Sembilan dan Pahang bagi mewujudkan produk pelancongan baharu pada masa depan.

Sementara itu, Idris berkata, kerajaan negeri menyokong usaha

menjejaki kewujudan Hang Tuah berdasarkan bahan sokongan seperti keris, tanjak, pakaian dan penempatan, sekali gus meleraikan pertikaian pihak yang menafikannya.

"Sejak puluhan tahun, kajian mendakwa Hang Tuah wujud berdasarkan penemuan bahan subjek seperti keris, tanjak dan pakaian. Jika Hang Tuah tidak wujud, perlu ada penafian berasaskan fakta dan hujah, baru kita terima," katanya.

Info

Laluan Penarikan

- Turut dikenali sebagai Londar Siam
- Laluan sungai digunakan merentasi Sungai Muar, Sungai Jempol, Sungai Serting, Sungai Bera dan Sungai Pahang
- Mula digunakan pedagang dari kerajaan pantai timur Sumatera dan Pantai Barat Semenanjung untuk ke Pantai Timur negara ini
- Jalan pergerakan ketenteraan dan pengembangan agama Buddha zaman kerajaan Langkasuka dan Srivijaya pada abad keenam hingga ke-13 Masihi

- Pada abad ke-13 dan ke-14, pedagang ke Jalan Penarikan perlu mudik ke Sungai Muar (dari Pantai Barat), kemudian Sungai Jempol hingga pangkalan di Kampung Bukit Laka, Bahau.
- Dari pangkalan itu, perahu atau jong iaitu kapal besar akan ditank melintasi darat ke pangkalan di Sungai Serting.
- Jong akan menghilir Sungai Serting untuk memasuki Sungai Bera dan Sungai Pahang untuk ke kuala di bandar Pekan, Pahang.

